

KLASIFIKASI KATA KERJA TAK ERGATIF DAN KATA KERJA TAK AKUSATIF DALAM BAHASA MELAYU: AGENTIVITI DAN PENAMAT

Maslida YUSOF^{1*}

Mughni Murni BUSTAMAN²

Kartini ABD WAHAB³

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

¹maslida@ukm.edu.my*

²mughnimurni@yahoo.com

³kartini@ukm.edu.my

Manuscript received 27 October 2021

Manuscript accepted 21 November 2022

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.4095.2022>

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan membincangkan sifat semantik kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif bahasa Melayu. Berdasarkan Hipotesis Tak Akusatif, kata kerja tak transitif dibahagikan kepada kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif. Kedua-dua subkelas kata kerja tak transitif ini kelihatan sama pada tahap permukaan tetapi mempunyai representasi sintaksis yang berbeza. Dengan menggunakan analisis semantik yang berdasarkan klasifikasi kata kerja *Aktionsart* dalam teori *Role and Reference Grammar* (RRG), makalah ini akan memberi perhatian kepada konsep aspektual agentiviti dan penamat yang mewujudkan perbezaan antara kedua-dua kata kerja tersebut. Klasifikasi kata kerja *Aktionsart* yang membahagikan kata kerja kepada kata kerja keadaan, aktiviti, penyempurnaan dan pencapaian membuktikan bahawa ciri agentiviti hanya terdapat dalam kata kerja aktiviti dan ciri penamat terdapat pada kata kerja keadaan, penyempurnaan dan pencapaian. Dari perspektif *Aktionsart*, apabila kata kerja tak transitif ialah proses (atau aktiviti) maka kata kerja ini dipetakan sebagai tak ergatif manakala apabila kata kerja ini bertitik penamat, maka ia direalisasikan sebagai tak akusatif. Secara tidak langsung, makalah ini membuktikan penamat dan agentiviti mendasari perbezaan dalam subklasifikasi tak transitif secara merentas linguistik.

Kata kunci: Kata kerja tak ergatif; kata kerja tak akusatif; kata kerja tak transitif; agentiviti; penamat; *Aktionsart*

CLASSIFICATION OF UNERGATIVE AND UNACCUSATIVE VERBS IN MALAY: AGENTIVITY AND TELICITY

ABSTRACT

This paper discusses the semantic properties of unergative and unaccusative verbs in Malay. Based on Unaccusativity Hypothesis, intransitive verbs are divided into unaccusative verbs and unergative verbs. Both intransitive verbs sub-classes seem similar on the surface, but they have different syntactic representations. By utilising semantic analysis which is based on Actionsart verb classification in Role and Reference Grammar (RRG) theory, this article will focus on the aspectual concepts of agentivity and telicity that establish the distinction between unergative and unaccusative verbs. Actionsart verb classification which divides verbs into four categories (states, activities, accomplishment and achievement verbs), showed that the agentivity feature is only found in activity verbs and telicity; namely in verbs related to states, accomplishment and achievements. From Actionsart's point of view, if the intransitive verbs are the process (or activity), then it is mapped as unergative. When the verbs are telic, then it is realised as unaccusative. In conclusion, this article has shown that cross linguistically, telicity and agentivity underlie the sub classification of the intransitive verbs.

Keywords: Unergative verbs; unaccusative verbs; intransitive verbs; agentivity; telicity; Actionsart

Pengenalan

Penelitian ke atas klasifikasi kata kerja tak transitif dalam bahasa Inggeris yang juga dikenali sebagai Hipotesis Tak Akusatif dikemukakan pertama kalinya oleh Perlmutter (1978) dalam Tatabahasa Perkaitan (*Relational Grammar*) dan kemudiannya diserap ke dalam kerangka teori Kuasaan dan Tambatan (*Government and Binding*) oleh Burzio (1986). Hipotesis Tak Akusatif membahagikan kata kerja tak transitif kepada dua kategori berbeza, iaitu kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif. Semenjak itu, penyelidik telah secara meluas menerima pandangan bahawa kata kerja tak transitif menunjukkan tingkah laku berbeza. Fenomena ini juga dikenali sebagai Pecahan Tak Transitif (*Split Intransitivity*), iaitu generalisasi bahawa kata kerja tak transitif membentuk dua subkelas. Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan fenomena Pecahan Tak Transitif dalam bahasa Melayu dengan memfokus kepada pencirian semantik bagi membezakan kedua-dua subkata kerja tak ergatif dengan kata kerja tak akusatif.

Hipotesis Tak Akusatif (*Unaccusatives Hypothesis*) yang diperkenalkan oleh Perlmutter (1978), telah membezakan dua kelas kata kerja tak transitif; satu subkelas kata kerja tak transitif dikenali sebagai kata kerja tak ergatif (contoh: berlari, berenang, berjalan dan sebagainya) dan satu lagi subkelas yang dikenali sebagai kata kerja tak

akusatif (contoh: cair, jatuh, turun dan sebagainya). Hipotesis Tak Akusatif ialah hipotesis sintaktik yang mendakwa bahawa pada struktur-D (Struktur dasar), subjek permukaan kata kerja tak akusatif berada dalam posisi objek langsung, sementara subjek kata kerja tak ergatif pada posisi subjek. Oleh itu, kata tak akusatif mempunyai satu argumen eksternal dan tak akusatif mempunyai satu argumen internal pada peringkat struktur argumen predikat. Perbezaan sintaktik antara kata kerja tak ergatif dengan kata kerja tak akusatif dianggap berasaskan kepada perbezaan dalam pencirian semantik, iaitu kata kerja tak ergatif biasanya digambarkan sebagai tindakan yang disengaja atau sukarela dan peranan semantik subjeknya ialah agen atau mengalami sedangkan kata kerja tak akusatif menggambarkan perubahan keadaan atau lokasi dengan subjek berperanan semantik sebagai penderita atau tema (Noriko, 2009). Semenjak Hipotesis Tak Akusatif diperkenalkan, banyak kajian telah dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan antara dua subkelas kata kerja tak transitif ini sama ada penelitian dari perspektif sintaksis atau perspektif semantik. Berdasarkan sudut pandang sintaksis, misalnya Burzio (1986), Haegeman (1991) dan lain-lain dalam Teori *Government and Binding*, dua jenis kata kerja tak transitif ini dikaitkan dengan konfigurasi sintaktik yang berbeza. Sebaliknya *Role and Reference Grammar* (contoh, Van Valin, 1986, 1990; Kishimoto, 1996) yang berdasarkan perspektif semantik menganggap pecahan antara tak ergatif dengan tak akusatif harus dilihat berdasarkan faktor penentu semantik.

Levin dan Rappaport Hovav (1995) merujuk fenomena ini sebagai Diagnostik Tak Akusatif (*Unaccusative diagnostics*). Perbezaan kata kerja tak ergatif dengan kata kerja tak akusatif telah dibuktikan wujud secara rentas linguistik (Surtani et al., 2011) dan ujian khusus bahasa telah dicadangkan sebagai diagnostik (Ahmed, 2010). Semenjak dakwaan Perlmutter mengenai Hipotesis Tak Akusatif, banyak diagnostik Tak Akusatif diaplikasikan untuk membezakan kedua-dua jenis subkelas kata kerja tak transitif telah dicadangkan secara teoritis dan diuji secara empiris merentas bahasa. Antara bahasa yang telah dikaji ialah bahasa Korea oleh Park (2006) dan Allman (2015), bahasa Belanda oleh Zaenen (1998), bahasa Indonesia (Vamarasi, 1999), bahasa Urdu oleh Ahmed (2010) dan bahasa Jepun oleh Fukuda (2017). Dalam bahasa Melayu, Soh dan Nomoto (2011) telah menggunakan imbuhan awalan meN- untuk membezakan kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif. Menurut Soh dan Nomoto (2011), dalam kata kerja tak akusatif, argumen tunggal boleh muncul pada permulaan ayat dan juga boleh muncul pada pengakhiran ayat (lihat ayat 1) manakala argumen tunggal dalam kata kerja tak ergatif hanya boleh muncul pada pengakhiran ayat sahaja (lihat ayat 2) sebagaimana ditunjukkan dalam (1) dan (2) di bawah:

(1). Kata kerja Tak Akusatif

Se-orang lelaki tinggi datang dari jauh.

Dari jauh datang se-orang lelaki tinggi.

(2). Kata kerja Tak Ergatif

Se-orang lelaki tinggi pergi ke pasar

* Ke pasar pergi se-orang lelaki tinggi.

(* menandakan struktur atau makna ayat yang tidak gramatis)

Dalam tinjauan literatur mengenai isu Tak Akusativiti (*Unaccusativity*), terdapat tiga pendekatan yang telah digunakan dalam menghurai perbezaan kata kerja tak akusatif dengan kata kerja tak ergatif, iaitu pertama, pendekatan sintaksis-semantik (Perlmutter (1978) dan Perlmutter dan Postal (1984)). Kedua, pendekatan sintaksis yang berdasarkan ujian diagnostik sintaktik untuk menguji Tak Akusativiti. Antara ujian yang dianggap popular ialah pemilihan kata bantu sempurna (*perfect auxiliary selection*) untuk bahasa German, Italian dan Belanda. Binaan resultatif (*the resultative construction*) untuk bahasa Inggeris, pasif impersonal (*impersonal passivization*) untuk bahasa German dan penafian genitif (*genitive negation*) bagi bahasa Rusia (Zeyrek & Acartürk, 2014). Ketiga, pendekatan semantik misalnya oleh Levin dan Rappaport Hovav (1995) dan Van Valin (1997, 2005).

Makalah ini akan memberi fokus kepada pendekatan semantik yang berasaskan analisis dekomposisi leksikal (*lexical decomposition analysis*) oleh Van Valin (2005) dan Van Valin dan LaPolla (1997). Dowty (1979) dan Van Valin (1990) menjelaskan bahawa perbezaan tak ergatif dengan tak akusatif boleh dihuraikan berdasarkan sifat semantik. Van Valin (1990) menjelaskan analisis semantik dalam *Role and Reference Grammar* (RRG) berdasarkan kepada teori klasifikasi kata kerja yang dicadangkan oleh Dowty dan mencadangkan bahawa klasifikasi bergantung kepada dua fitur semantik, iaitu titik penamat (*telicity*) dan kerelaan/suka rela (*volitionality*). Beliau juga berpendapat bahawa subjek kata kerja tak ergatif biasanya dianggap sebagai tindakan yang sengaja dilakukan oleh sesuatu kata kerja yang diungkapkan, sedangkan kata kerja tak akusatif mempunyai subjek yang lakuan tidak disengajakan. Justeru, makalah ini membincangkan perbezaan binaan sintaktik yang melibatkan dikotomi kata kerja tak transitif dengan memberi perhatian kepada konsep aspektual agentiviti dan titik penamat yang mewujudkan perbezaan antara kata kerja tak ergatif dengan kata kerja tak akusatif dalam kata kerja bahasa Melayu.

Sorotan Pendekatan Kata Kerja Tak Ergatif dan Tak Akusatif dalam Kajian Bahasa

Konsep pecahan tak ergatif dan tak akusatif dalam kata kerja tak transitif dimulai oleh Perlmutter (1978) dan Perlmutter dan Postal (1984) yang berasaskan kepada ciri sintaksis dan ciri semantik. Dalam Pendekatan Tatabahasa Perkaitan anjuran mereka, kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif dikaitkan dengan konfigurasi sintaksis yang berbeza; subjek bagi kata kerja tak akusatif diterbitkan secara sintaksis daripada bentuk dasar objek langsung sedangkan subjek kata kerja tak ergatif ialah subjek bagi kedua-dua bentuk dasar dan bentuk permukaan. Perbezaan sintaksis ini didorong oleh makna kata kerja (Noriko, 2009). Perlmutter (1978) juga menjelaskan bahawa kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif merupakan kata kerja tak transitif yang berbeza dari segi kedudukan sintaksis argumen tunggalnya. Idea utama hipotesis ini ialah subjek permukaan bagi kata kerja tak transitif dipanggil sebagai tak akusatif yang

merupakan objek sebenar dalam representasi dalaman. Subjek permukaan bagi tak ergatif pula ialah subjek dalamannya.

Perlmutter (1978) jelas menunjukkan bahawa kata kerja tak akusatif mempunyai struktur dalaman. Struktur dalaman ini menyerupai objek dalam kata kerja transitif. Walaupun kelihatan serupa dengan objek dalam kata kerja transitif, namun begitu masih terdapat perbezaan antara kata kerja tak akusatif dengan kata kerja transitif. Perbezaan sintaksis ini didorong oleh makna kata kerja. Menurut Perlmutter, kata kerja tak ergatif merangkumi kata kerja yang menggambarkan perbuatan yang disengaja atau sukarela seperti “bekerja”, “bermain”, “ketawa”, “menari” dan kata kerja yang menggambarkan proses badan yang tidak disengajakan seperti “batuk”, “bersin”, “tersedu”, dan “menangis”. Kelas kata kerja tak ergatif berkait dengan konsep aktiviti dan peranan semantik subjek kata kerja ini ialah agen atau pengalami. Sebaliknya, kelas kata kerja tak akusatif sangat besar, merangkumi kata kerja yang argumen tunggalnya adalah penderita seperti “tenggelam”, “lebur”, “kering”; kata kerja wujud seperti “wujud”, “muncul”, “timbul” dan predikat yang dinyatakan oleh kata sifat. Umumnya, kata kerja tak akusatif menggambarkan tindakan tidak sengaja atau perubahan keadaan/lokasi di mana subjek mengambil peranan semantik penderita /tema (Gruber, 1976; Jackendoff, 1990, seperti dinyatakan dalam Noriko, 2009). Dengan demikian, tak ergatif lawan tak akusatif dikatakan dapat diramal dan ditentukan berdasarkan peranan semantik subjek kata kerja.

Jelas menunjukkan makna kata kerja itulah yang menentukan sama ada argumen tunggal kata kerja tak transitif akan ditafsirkan sebagai subjek kata kerja (tak ergatif) atau objek kata kerja (tak akusatif). Pada satu sisi, dakwaan Perlmutter (1978) telah dicabar merentasi linguistik namun pada sisi yang lain, ia telah disokong oleh kajian-kajian yang memfokuskan kepada konsep semantik seperti penamat, agentiviti, kawalan dan suka rela/kerelaan yang dikatakan bertanggungjawab dalam perbezaan tak akusatif dan tak ergatif. Oleh itu, kata kerja yang mempunyai interpretasi penamat, iaitu persempadanan peristiwa, dikaitkan dengan kata kerja tak akusatif manakala kehadiran subjek sebagai agen adalah penting bagi tak ergatif, dan konsep-konsep lain seperti kerelaan dan kawalan dikaitkan dengan agentiviti dalam literatur (Dowty 1991; Nakipoğlu-Demiralp 1998; Rappaport-Hovav & Levin, 2000; Rosen, 1984, seperti dinyatakan dalam Meral & Meral, 2018).

Levin dan Rappaport Hovav (1995) yang menggunakan pendekatan semantik dalam menjelaskan isu Tak Akusativiti memberi hujah bahawa Tak Akusativiti ditentukan secara semantik dan digambarkan secara sintaksis, iaitu perbezaan tak ergatif-tak akusatif dinyatakan berasaskan kepada makna leksikal kata kerja. Mereka memperkenalkan perbezaan semantik antara penyebab peristiwa “dalaman” dengan penyebab “luaran” dan mencadangkan yang perbezaan semantik ini memainkan peranan penting dalam penentuan semantik bagi Tak Akusativiti (Noriko, 2009). Dengan menggunakan konsep penyebab dalaman dan penyebab luaran, mereka mengklasifikasikan kata kerja tak transitif seperti berikut:

- (1) Kata kerja penyebab dalaman (monadic)
[x PREDICATE]
(2) Kata kerja penyebab luaran (dyadic)
[[x DO-SOMETHING] CAUSE [y BECOME STATE]]

Kata Kerja Kewujudan dan Kemunculan (Dyadic): Dua Argumen Dalaman

Perbincangan tentang Tak Akusativiti juga menunjukkan perbezaan tak akusatif-tak ergatif boleh dijelaskan berdasarkan ciri/sifat semantik kata kerja. Dalam kebanyakan literatur mendapati bahawa Tak Akusativiti sensitif kepada kelas kata kerja yang berasaskan konsep aspek (aspectual) seperti penamat (telic) lawan berterusan (atelic). Dowty (1979) mencadangkan klasifikasi aspek bagi kata kerja berdasarkan intuisi Vendler (1967) dengan membahagikan kata kerja kepada empat kategori seperti dalam (3) berikut:

- (3).
- a) Keadaan yang mengekodkan tindakan/lakuan yang berlangsung untuk tempoh tertentu. Contoh: suka, percaya, wujud dan lain-lain.
 - b) Pencapaian yang mengekodkan peristiwa yang segera. Contoh: sampai, batuk, pecah dan lain-lain.
 - c) Penyempurnaan yang mengekodkan peristiwa dengan masa. Contoh: cair, berjalan ke taman, makan tiga keping roti dan lain-lain.
 - d) Aktiviti yang mengekodkan proses. Contoh: berjalan, berlari, menari dan lain-lain.

Dalam kerangka *Role and Reference Grammar* (RRG), Van Valin (2005) menggunakan analisis dekomposisi leksikal yang dicadangkan oleh Dowty (1979). Beliau berpandangan bahawa dua jenis kata kerja tak transitif boleh diterangkan dengan menggunakan istilah semantik tanpa menggunakan konsep sintaksis “subjek” dan “objek” langsung. Aliran pendekatan ini menekankan kata kerja dapat diklasifikasikan berdasarkan kepada sifat aspektual yang semula jadi dan mempunyai dekomposisi leksikal yang dinamakan kelas *Aktionsart*, iaitu keadaan, aktiviti, penyempurnaan dan pencapaian. Pengkaji-pengkaji seperti Dowty (1979), Van Valin (1990), dan Zaenen (1993) telah mengenal pasti hubungan antara *Aktionsart* dengan Tak Akusativiti. Dakwaan asas mereka ialah dari sudut pandang *Aktionsart*, apabila kata kerja tak transitif ialah proses (atau aktiviti) kata kerja ini dipetakan sebagai tak ergatif. Manakala apabila kata kerja tak transitif ini berpenamat, maka kata kerja ini direalisasikan sebagai tak akusatif.

Metodologi

Dalam memahami dan menjelaskan fenomena pecahan kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif, yang melibatkan ciri semantik agentiviti dan penamat sebagai faktor pembeza, maka kajian ini akan menerapkan teori klasifikasi kata kerja dalam RRG (Van Valin & LaPolla, 1997) dan Van Valin (2005). Berdasarkan Van Valin (2005), kata kerja dapat diklasifikasi mengikut ciri aspektual yang inheren dalam teori semantik leksikal. Dekomposisi leksikal dalam RRG berdasarkan pengkategorian kata kerja Vendler (1967), iaitu keadaan, aktiviti, penyempurnaan dan pencapaian. Walaupun Vendler mencadangkan taksonomi ini berdasarkan contoh kata kerja bahasa Inggeris, namun penelitian terhadap bahasa-bahasa lain, yang antaranya bahasa Lakhota (Foley & Van Valin, 1984), bahasa Hausa (Abdoulaye, 1992) dan bahasa Jepun (Hasegawa, 1996; Toratani 1998) seperti dinyatakan dalam Van Valin (2005) telah menunjukkan bahawa perbezaan bagi setiap kelas kata kerja ini adalah penting kepada organisasi sistem kata kerja yang universal. Yusof et al. (2008) dan Yusof (2015) telah membuktikan bahawa bahasa Melayu juga mempamerkan perbezaan kelas kata kerja ini yang berdasarkan ciri semantik kata kerja tersebut. Pengelasan kata kerja berasaskan ciri inheren sesuatu kata kerja itu boleh memperlihatkan perkongsian perilaku sesuatu kata kerja dan seterusnya dapat meramal sifat sintaksis kata kerja tersebut.

Dalam RRG juga, representasi dekomposisi formal yang dipanggil sebagai struktur logik (SL) ditetapkan bagi setiap kelas kata kerja aspektual. Operator dan penghubung digunakan dalam SL ialah: INGR dan BECOME yang menandakan perubahan kepada keadaan yang baharu, **do'**(melakukan') menunjukkan agen dan CAUSE (PENYEBAB) menandakan hubungan penyebab antara dua peristiwa. Dengan menggunakan operator dan penghubung ini, kelas kata kerja formal dipersembahkan seperti (4):

(4).

- a) STATE: **predicate'** (x) or (x, y)
- b) ACHIEVEMENT: INGR **predicate'** (x) or (x, y)
- c) ACTIVITY (+/- Agentive): (**do'** (x)) [**predicate'** (x) or (x, y)]
- d) ACCOMPLISHMENT: BECOME **predicate'** (x) or (x, y)

(Van Valin, 2005)

Van Valin (2005) menjelaskan bahawa kata kerja pencapaian dan penyempurnaan dibentuk daripada predikat keadaan atau aktiviti + (campur) simbol bagi perubahan **INGR'** diterbitkan daripada "ingressive" dan mengekodkan perubahan segera (serta-merta). Perubahan ini mungkin merupakan perubahan bagi keadaan atau aktiviti. Penyempurnaan dikodkan oleh BECOME (MENJADI) yang mengekodkan perubahan berasaskan jangka masa + predikat keadaan. Tingkah laku Tak Akusativiti

bagi subkelas kata kerja tak transitif yang berkaitan dengan beberapa diagnostik boleh dihubungkan dengan faktor-faktor seperti agentiviti atau penamat tanpa menimbulkan objek langsung pada tahap perwakilan sintaksis (Van Valin, 1990).

Huraian berdasarkan teori ini akan disertai dengan contoh-contoh yang relevan. Sebahagian contoh-contoh ayat yang digunakan dalam pemerian kata kerja dan fenomena Tak Akusativiti dalam kajian ini akan diambil daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai mewakili ayat-ayat yang sah digunakan oleh penutur bahasa Melayu.

Klasifikasi Kata Kerja Tak Ergatif dan Kata Kerja Tak Akusatif dalam Bahasa Melayu: Agentiviti dan Penamat

Dengan tujuan untuk menjelaskan subklasifikasi kata kerja tak transitif berdasarkan konsep aspek titik penamat dan agentiviti sebagai fitur yang mendasari perbezaan kedua-dua kata kerja tersebut dengan memberi tumpuan kepada empat kelas kata kerja bahasa Melayu yang berdasarkan klasifikasi kata kerja aspek Van Valin (2005) dalam kerangka *Role and Reference Grammar* (RRG) yang membahagikan kata kerja asas kepada kata kerja keadaan, kata kerja aktiviti, kata kerja penyempurnaan dan kata kerja pencapaian. Contoh-contoh kata kerja bahasa Melayu bagi setiap kelas *Aktionsart* adalah diberikan dalam (5).

- (5).
- a) Keadaan: sakit, suka, faham, tahu, percaya
 - b) Pencapaian: meletup, pecah, hancur
 - c) Penyempurnaan: cair, beku, kering
 - d) Aktiviti: berjalan, berlari, merangkak, berenang

Kelas-kelas ini boleh diberikan ciri berdasarkan empat fitur semantik, iaitu [\pm statik], [\pm dinamik], [\pm penamat] dan [\pm ketepatan masa] sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1. Kelas kata kerja keadaan dan aktiviti mempunyai persamaan oleh sebab kedua-duanya tidak terbatas dari segi masa, iaitu kedua-dua kata kerja ini tidak menunjukkan titik akhir dari segi masa. Walau bagaimanapun, kata kerja keadaan bersifat statik manakala kata kerja aktiviti bercirikan dinamik. Kata kerja pencapaian dan penyempurnaan kelihatan serupa kerana kedua-duanya mempunyai ciri titik penamat. Namun begitu, dari segi masa, kata kerja pencapaian tidak mempunyai jangka masa berbanding kata kerja penyempurnaan. Pencapaian tidak mempunyai proses, hanya peristiwa tepat masa yang membawa kepada perubahan kepada keadaan. Maka jelas kata pencapaian diberikan fitur [+ketepatan masa] berbanding kata kerja penyempurnaan yang ditandai [- ketepatan masa].

Jadual 1*Pengelasan Kata Kerja Berdasarkan Fitur Semantik*

Keadaan	+ statik	- dinamik	- penamat	- ketepatan masa
Aktiviti	- statik	+ dinamik	- penamat	- ketepatan masa
Pencapaian	- statik	- dinamik	+ penamat	+ ketepatan masa
Penyempurnaan	- statik	- dinamik	+ penamat	- ketepatan masa

Fitur Agentiviti

Kata kerja statik menunjukkan situasi statik. Yang membezakan antara kata kerja statik dengan kata kerja bukan statik ialah kata kerja statik tidak boleh mengekodkan “apa yang berlaku”. Sebagai contoh kata kerja *percaya* dalam ayat “Zahid percaya peminat mereka akan dapat menerima lagu rancak yang ...” (Cerita Zahid di sebalik Warkah Buat Laila, 2005 seperti dinyatakan dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022) tidak dapat menjadi jawapan kepada soalan “Apa yang berlaku”. Dengan ciri statik ini, maka kata kerja keadaan tidak dapat memenuhi ciri sebagai kata kerja tak ergatif yang subjeknya bersifat agentif. Maka kata kerja keadaan tidak bertingkah laku sebagai kata kerja tak ergatif kerana subjek kata kerja keadaan bukan agen. Berdasarkan ciri penamat, kata kerja keadaan tidak mempunyai ciri keterbatasan masa, iaitu ia bersifat berterusan maka kata kerja keadaan tidak mempunyai penamat semula jadi.

Kata kerja pencapaian dan kata kerja penyempurnaan bercirikan [-statik] tetapi tidak berciri dinamik, iaitu kedua-dua kata kerja ini bercirikan [- dinamik]. Dinamik merujuk kepada sama ada situasi itu melibatkan lakuan/tindakan atau tidak (Van Valin, 2005). Aktiviti melibatkan lakuan, sebagaimana ditunjukkan daripada fakta bahawa kata kerja ini boleh dimodifikasikan dengan adverbs dinamik seperti *vigorously* (dengan bersemangat), *actively* (dengan aktif) dan juga *energetically* (dengan bertenaga) (Van Valin, 2005). Dalam bahasa Melayu, kebolehan adverbs dinamik ini disisipkan atau hadir dalam ayat-ayat aktiviti ditunjukkan dalam ayat (6).

(6).

- a) Jessica inginkan kehidupan yang riang, bermain dan *berlari* (dengan semangat) di padang permainan seperti kanak-kanak lain (MASTIKA JULAI 1997 seperti dinyatakan dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022).
- b) Saya segera “berenang” (dengan penuh bertenaga) menghampiri tebing lubuk yang berbatu untuk berehat sebentar (Jasmi Abdul, 2020 seperti dinyatakan dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022).

Ayat (6) menunjukkan ayat yang mengandungi kata kerja aktiviti, iaitu “*berlari*” dan “*berenang*”. Kata kerja aktiviti yang bercirikan dinamik menunjukkan lakuan “*berlari*” dan “*berenang*” dilakukan oleh subjek yang berperanan sebagai agen. Subjek

agen juga menunjukkan ciri lakuan boleh berlaku secara suka rela dan boleh dikawal. Dalam RRG, ciri agentiviti ini hanya terdapat dalam kata kerja aktiviti, iaitu dalam RRG, dekomposisi formal bagi representasi leksikal yang dipanggil sebagai struktur logik (SL) bagi kata kerja aktiviti diwakili sebagai **do'**, yang menandakan agen sebagaimana ditunjukkan dalam (7).

(7). ACTIVITY (+/- Agentive): (**do'** (x, [**predicate'** (x) or (x, y)])

(Van Valin, 2005)

Dalam bahasa Melayu SL ini direpresentasikan sebagai: **melakukan** (x, [**predikat'** (x) atau (x,y)]). Misalnya bagi ayat *Siti berlari*, SL ayat ini ditunjukkan dalam (8).

(8).

- a) **melakukan'** (x, [**berlari'** (x)])
- b) **melakukan'** (Siti, [**berlari'** (Siti)])

Dalam SL, **melakukan'** mengingatkan kita bahawa terdapat penglibatan lakuan dalam predikat aktiviti berbanding dengan predikat keadaan. Lakuan kata kerja aktiviti "berlari", "berenang" dan "berjalan" boleh dimodifikasi oleh adverba yang mengekodkan lakuan dinamik seperti "dengan kuat", "dengan bersemangat/dengan bertenaga/dengan aktif". Misalnya dalam ayat (9) berikut:

(9).

- a) Dia terus "berlari" (dengan kuat) (Sahok, 2015 seperti dinyatakan dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022).
- b) Dalim "berenang" (dengan bertenaga) menghala ke jambatan hijau, sedang kawan-kawannya berlari menggelacah ... (Said, 2019 seperti dinyatakan dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022).
- c) Bujang "menyanyi" di tepi jalan (dengan semangatnya) (Arwis Harahap, 1993 seperti dinyatakan dalam Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022).

Sebagaimana ditunjukkan dalam ayat (9), lakuan "berlari", "berenang" dan "menyanyi" boleh dikawal oleh pelaku (sama ada dengan lemah atau dengan semangat) maka kata kerja ini jelas boleh hadir dengan adverba dinamik. Oleh sebab kata kerja tak ergatif boleh dikawal oleh subjeknya, maka subjek adalah bersifat agentif. Hal ini bermakna dalam ayat (9), "Dia", "Dalim" dan "Bujang" ialah agentif yang melakukan tindakan berlari, berenang dan menyanyi.

Kata kerja pencapaian dan penyempurnaan bercirikan tidak dinamik. Hal ini boleh ditunjukkan apabila kedua-dua kata kerja ini tidak boleh muncul dengan adverba dinamik seperti dengan bertenaga, dengan bersemangat dan dengan aktif. Sebagai contoh ditunjukkan dalam (10), ayat-ayat di bawah:

(10).

- a) *Cawan itu pecah dengan bertenaga. (Pencapaian)
- b) * Bom itu meletup dengan bertenaga. (Pencapaian)
- c) * Salji itu cair dengan aktifnya. (Penyempurnaan)
- d) Pintu itu terbuka dengan aktifnya. (Penyempurnaan)

Kata kerja dalam ayat-ayat (10) ialah kata kerja perubahan keadaan (contoh, cair, pecah, buka). Ayat (10 a-b) mengandungi kata kerja pencapaian (pecah dan meletup) yang bercirikan [-statik, -dinamik, + penamat, + ketepatan masa] manakala kata kerja cair dan terbuka dalam ayat (10 c-d) ialah kelas kata kerja penyempurnaan [-statik, -dinamik, + penamat, -ketepatan masa]. Subjek ayat dalam kata kerja pencapaian (cawan, bom) dan subjek dalam kata kerja penyempurnaan (salji, pintu) tidak berada dalam posisi yang boleh melakukan tindakan yang dinamai oleh kata kerja dan tidak boleh mengawal lakukan pecah, meletup, cair dan terbuka.

Justeru, kata kerja pencapaian dan kata kerja penyempurnaan tidak mempunyai interpretasi agentif maka mengikut sistem leksikal RRG, kata kerja ini tidak harus diklasifikasi sebagai kata kerja tak ergatif tetapi kata kerja tak akusatif, sebagaimana Dowty (1991) dan Van Valin (1990) seperti dinyatakan dalam Legendre dan Sorace (2003) menyatakan bahawa "agentiviti" (dengan niat sengaja) cenderung dihubungkan dengan tak ergatif "Penderita" atau penyebab bukan sengaja pula dihubungkan dengan tak akusatif.

Fitur Penamat

Penamat dianggap memainkan peranan penting dalam menentukan Tak Akusativiti. Fitur ini berkaitan dengan sama ada kata kerja menunjukkan bentuk keadaan (*state of affair*) dengan titik penamat inheren/semula jadi atau tidak. Dalam contoh situasi keadaan, "Ali tahu jawapan itu". Dalam contoh ini tidak ada rujukan kepada sempadan masa. Maka predikat ini adalah tidak bertitik penamat. Dalam contoh ayat aktiviti, "Bumi berputar mengelilingi matahari". Kata kerja "berputar" memperlihatkan adanya rujukan kepada aktiviti tetapi aktiviti berputar itu tidak semestinya tamat. Berdasarkan klasifikasi kata kerja aspektual, kedua-dua kata kerja perubahan keadaan dan kata kerja gerak yang secara inheren bersifat berarah ialah kata kerja penyempurnaan [-statik, -dinamik, + titik penamat, -ketepatan masa] dan kata kerja pencapaian [-statik, -dinamik, + titik penamat, +ketepatan masa].

Kata kerja aktiviti dalam (11) melibatkan pergerakan dinamik yang membayangkan pergerakan yang tidak mengarah kepada titik penamat semula jadi. Kata kerja aktiviti seperti "berlari", "berenang" dan "menyanyi" dalam bahasa Melayu menunjukkan tingkah laku yang berterusan, iaitu tidak ada penunjuk kepada satu titik penamat, iaitu tidak ada titik akhir yang semula jadi bagi lakuan yang diterangkan oleh kata kerja tersebut. Kata kerja "cair" dalam ayat "Salji itu cair", membayangkan adanya titik penamat apabila salji itu menjadi cair. Pencapaian ialah transisi antara keadaan

(Bom itu belum /tidak meletup) dengan satu keadaan yang baru (Bom itu (telah meletup). Oleh itu kata kerja ini ialah [+ titik penamat].

(11).

- a) Ali berlari selama 2 jam/ * dalam masa 2 jam. (Aktiviti)
- b) Siti berenang selama / *dalam masa 2 jam. (Aktiviti)
- c) Salmah menyanyi selama 2 minit/ * dalam 2 jam. (Aktiviti)
- d) Abu suka akan buah durian selama 2 jam/* dalam 2 jam. (Keadaan)
- e) Salji itu cair selama sejam/ dalam masa sejam. (Penyempurnaan)
- f) Bom (sebiji bom) itu meletup *selama sejam/* dalam masa sejam. (Pencapaian)

Dalam RRG, ujian “selama masa x” mengukur jangka masa pada sesuatu tindakan atau perlakuan yang digambarkan dalam kata kerja. Frasa “selama sejam” boleh muncul dengan kata kerja keadaan (contoh, Abu suka akan buah durian selama 2 jam/* dalam 2 jam), boleh hadir dalam kata kerja penyempurnaan (Salji itu cair selama sejam/dalam 2 jam) dan hadir bersama kata kerja aktiviti (Siti berenang selama 2 jam/*dalam 2 jam). Hal ini demikian kerana kesemua kata kerja ini mempunyai jangka masa, iaitu bercirikan [-ketepatan masa].

Ujian hadir dengan frasa preposisi “dalam masa x” pula, adalah ujian yang menguji sama ada sesuatu kata kerja mempunyai titik penamat semula jadi atau tidak. Jika sesuatu dilakukan dalam masa 10 minit maka rujukan eksplisitnya dikhususkan kepada titik perhentian/penamat bagi sesuatu lakuan/peristiwa. Dengan kata lain, peristiwa itu bermula pada satu titik masa dan berakhir atau tamat pada 10 minit kemudian. Hal ini bermakna jika “Salji itu cair dalam masa sejam”, peristiwa cair itu mula dan tamat dalam ruang waktu satu jam. Dalam (11a-c) semua kata kerja ini boleh menerima “selama masa x”, tetapi tidak boleh hadir dengan frasa “dalam masa x”. Hal ini demikian kerana lakuan yang diungkapkan oleh kata kerja aktiviti tidak mengandungi titik penamat semula jadi. Hal ini menunjukkan bahawa kata kerja ini mempunyai interpretasi berterusan (tidak menunjukkan titik penamat) maka kata kerja ini harus dianggap sebagai tak ergatif. Kata kerja aktiviti merupakan kata kerja yang bersifat dinamik dan tidak mempunyai ciri penamat dalam makna kata kerja tersebut. Tambahan pula, didapati kata kerja ini mempunyai interpretasi agentif dalam kebanyakan konteks kemunculannya dalam ayat. Oleh itu, kata kerja aktiviti dikelaskan sebagai tak ergatif.

Kata kerja perubahan keadaan (contoh: cair, pecah, buka) dan kata kerja gerak berarah semula jadi (contoh: pergi, sampai, datang) menerangkan perubahan keadaan, iaitu kata kerja perubahan keadaan berubah kepada keadaan yang baharu manakala kata kerja gerak berarah semula jadi berubah ke arah satu lokasi baharu. Oleh sebab kedua-dua kata kerja ini menerangkan perubahan keadaan, maka kedua-dua kata kerja ini mempunyai titik penamat semula jadi. Kedua-dua kata kerja ini mempunyai ciri penamat dan tidak bersifat agentif, iaitu subjek dalam kata kerja ini bukan agen tetapi penderita/tema. Subjek tidak boleh mengawal lakuan dan lakuan tidak dilakukan dalam keadaan suka rela maka kedua-dua kata kerja ini memenuhi cirinya sebagai kata kerja

tak akusatif. Ciri agentiviti dan penamat ini dapat disahkan dengan ujian menyisipkan adverba dengan aktif, dengan kuat dan juga dengan bertenaga dan ujian titik penamat *dalam x masa* (Van Valin, 2005) dalam ayat pencapaian dan penyempurnaan seperti berikut:

(12).

- a) Salji itu cair * dengan penuh semangat/dalam masa sejam. (Penyempurnaan)
- b) Ali pergi ke Kuala Lumpur *dengan penuh semangat/ dalam masa sejam. (Penyempurnaan)
- c) Johan sampai di Kuala Lumpur *dengan penuh penuh semangat/dalam masa beberapa minit. (Pencapaian)

Ciri penamat pada kata kerja tak akusatif jelas apabila kita menerangkan makna kata kerja gerak berarah semula jadi. Makna kata kerja ini memasukkan komponen akhir lokasi bagi arah gerakan walaupun tanpa kehadiran preposisi pada ayat. Secara tidak langsung kata kerja ini menandakan aktiviti yang dilakukan oleh pelaku dan titik penamat/penyempurnaan bagi aktiviti yang dilakukan. Berdasarkan ayat dalam (12) kata kerja pencapaian dan penyempurnaan tidak mempunyai interpretasi agentif namun menunjukkan ciri penamat bagi lakuan yang ditunjukkan. Jelas bahawa penamat menjadi ciri kepada kata kerja penyempurnaan dan pencapaian, iaitu ciri ini tidak ada dalam kata kerja keadaan dan aktiviti. Kata kerja tak transitif titik penamat seperti kata kerja perubahan keadaan dan kata kerja yang secara semula jadi bersifat berarah secara tipikalnya ialah tak akusatif. Secara tipikalnya, kata kerja lakuan agentif pula ialah tak ergatif. Berdasarkan istilah klasifikasi kata kerja Vendler (1967) dan Van Valin (1990), kata kerja pencapaian dan kata kerja penyempurnaan tergolong dalam kata kerja tak akusatif manakala kata kerja aktiviti ialah tak ergatif. Generalisasi ini relevan kerana jenis kata kerja yang dianggap sebagai tak akusatif mempunyai representasi leksikal yang memasukkan predikat keadaan sebagaimana SL berikut:

(13).

- a) KEADAAN: **predikat'** (x) atau (x, y)
- b) PENCAPAIAN: INGR **predikat'** (x) atau (x, y)
- c) PENYEMPURNAAN: MENJADI **predikat'** (x) atau (x,y)

Kata kerja aktiviti pula ialah tak ergatif yang mempunyai representasi leksikal yang bermula dengan predikat **melakukan'** , iaitu menunjukkan predikat aktiviti ada pelaku atau berperanan sebagai agen dan membezakannya dengan predikat keadaan. Dengan menggunakan representasi leksikal, perbezaan antara titik penamat dengan bukan titik penamat (berterusan) dapat dijelaskan apabila kata kerja bertitik penamat ditandai sebagai INGR **predikat'** (x) atau (x,y) dan MENJADI **predikat'** (x) atau (x,y) dalam representasi leksikal sebagaimana ditunjukkan dalam (8). INGR (daripada perkataan ingressive) menandakan perubahan keadaan yang serta-merta manakala

tambahan segmen MENJADI dalam SL kata kerja adalah untuk menerbitkan perubahan lokasi dan menunjukkan penyempurnaan bagi kata kerja. Kepentingan titik penamat sebagai penentu fitur Tak Akusativiti sering dijadikan tumpuan dan dibincangkan dalam enelitian kata kerja gerak (Noriko, 2009). Narasimhan et al. (1996) menyebut bahawa kelas kata kerja agentif cara gerak menunjukkan isu yang menarik berhubung dengan Hipotesis Tak Akusatif. Kelas ini mempamerkan ciri kedua-dua kata kerja tak akusatif dan tak ergatif. Masalah kata kerja cara gerak ini dapat dijelaskan sebagaimana berikut: Kata kerja gerak agentif seperti “berjalan”, “berlari”, “merangkak” dan lain-lain, lazimnya ialah kata kerja aktiviti yang berada dalam kategori kata kerja tak ergatif. Namun demikian, kata kerja ini boleh menunjukkan tingkah laku tak akusatif dalam sesetengah persekitaran sintaktik disebabkan ada interpretasi penamat. Dalam bahasa Melayu, apabila kata kerja ini muncul dengan frasa preposisi yang menyediakan titik akhir atau penamat bagi lakuan seperti *ke*, kata kerja ini boleh muncul dalam konfigurasi sintaktik tak akusatif.

(14).

- a) Ali berlari /berlari di padang/selama sejam/ * dalam masa sejam.

SL berlari: **melakukan'** (x, [**pred'** (x)])

Melakukan' (Ali, [**berlari'** (Ali)])

⇒ Argumen 'Ali' berperanan sebagai agen

- b) Ali berlari ke padang dalam masa sejam.

SL berlari: **melakukan'** (x, [**pred'** (x)]) & MENJADI **pred'** (y, x)

melakukan' (x, [**berlari'** (Ali)]) & MENJADI **di-lok'** (padang, Ali)

⇒ Argumen 'Ali' berperanan sebagai tema (lokasi)

Berasaskan SL bagi kata kerja aktiviti, didapati kata kerja seperti “berlari” boleh mempunyai lebih daripada satu interpretasi *Aktionsart*, iaitu; sebagai kata kerja aktiviti (14a) dan kata kerja penyempurnaan (14b). Dalam ayat (14a), tanpa frasa matlamat, kata kerja “berlari” menyampaikan makna aktiviti tetapi dalam (14b), berlaku perubahan, iaitu perubahan lokasi, iaitu gerakan itu selesai apabila subjek sampai di lokasi tertentu, iaitu “di padang”. Dalam kes 14 (b), kata kerja “berlari” dianggap sebagai beralternasi kepada kata kerja penyempurnaan. Alternasi kata kerja aktiviti kepada kata kerja penyempurnaan ini dapat dibuktikan apabila dalam (14b) kata kerja ini boleh hadir dengan adverba dalam masa sejam yang menandakan lakuan berlari dari X ke Y (ke lokasi padang) akan tamat dalam masa satu jam. Van Valin (2005) mengesyorkan bahawa kata kerja seperti ini disenaraikan dalam leksikon sebagai kata kerja aktiviti dan rumus leksikal, iaitu rumus yang menerbitkan penggunaan-penggunaan lain daripada kata kerja asas akan menerbitkan penggunaan-penggunaan lain daripada penggunaan aktiviti asas ini. Levin dan Rappaport (1995) pula mencadangkan kata kerja seperti *run* (berlari), *swim* (berenang), dan *talk* (bercakap) asalnya ialah tak ergatif tetapi kata kerja ini mengalami “peralihan makna leksikal” yang menyebabkan kata kerja ini menjadi tak

akusatif apabila hadir dengan frasa arah, yang menggambarkan penamat kepada peristiwa itu. Selanjutnya, Rappaport-Hovav dan Levin (2000) seperti dinyatakan dalam Meral dan Meral (2018) mencadangkan bahawa kata kerja cara gerak yang mempunyai interpretasi penamat, kata kerja ini ialah tak akusatif walaupun kata kerja ini mempunyai argumen agen. Apa yang mengubah aktiviti menjadi penyempurnaan ialah kemunculan frasa preposisi (FP) yang menunjukkan titik penamat yang mengakibatkan, kata kerja tak ergatif (yang terdapat dalam aktiviti) seperti “berlari”, “berenang”, dan “berjalan” berubah menjadi kata kerja tak akusatif (yang terdapat dalam penyempurnaan) apabila disertai dengan frasa seperti “ke padang”.

Secara keseluruhan, Jadual 2 menunjukkan kelas kata kerja dan dikotomi kata kerja tak ergatif dan tak akusatif.

Jadual 2

Pencirian Kelas Kata Kerja Aspektual Berdasarkan Ciri Agentif dan Penamat

Kelas kata kerja	+Agentif	+ Penamat
keadaan	-	-
aktiviti	+	-
penyempurnaan	-	+
Pencapaian	-	+

Dalam Jadual 2, fitur kata kerja keadaan ialah [-agentif, -penamat], kata kerja aktiviti memenuhi fitur [+agentiviti, -penamat]. Pencapaian mempunyai fitur [-agentif, + penamat] dan penyempurnaan [-agentif, + penamat]. Dalam analisis Van Valin (1990 seperti dinyatakan dalam Levin dan Hovav, 1995) terhadap bahasa Itali, beliau menjelaskan bahawa kata kerja aktiviti ialah tak ergatif manakala kata kerja keadaan, pencapaian dan penyempurnaan ialah tak akusatif. Van Valin (1990) menggunakan data daripada bahasa Itali, Georgia dan Aceh untuk membuat kesimpulan bahawa penamat dan agentiviti mendasari fenomena Pecahan Tak Transitif secara rentas linguistik. Begitu juga Kishimoto (1996), melaporkan bahawa klasifikasi tak ergatif-tak akusatif dalam bahasa Jepun bergantung kepada dua fitur semantik, iaitu titik penamat dan kerelaan (volitionality). Beliau mendakwa bahawa subjek kata kerja tak ergatif secara umumnya dianggap dengan sengaja memulakan lakuan/tindakan yang diungkapkan oleh kata kerja manakala kata kerja tak akusatif mempunyai subjek yang tidak melibatkan penyertaan yang sedemikian. Dengan demikian, kajian ini juga dapat membuktikan bahawa kata kerja tak ergatif dapat dikaitkan dengan ciri agentiviti manakala kata kerja tak akusatif berhubungan dengan ciri penamat sebagaimana dipamerkan dalam Jadual 3.

Dalam Jadual 3, kata kerja pencapaian dan penyempurnaan yang memiliki ciri [+Penamat] dikaitkan dengan kata kerja tak akusatif manakala kata kerja aktiviti yang

bersifat agentif diklasifikasikan sebagai kata kerja tak ergatif. Dalam perbincangan makalah ini, atas justifikasi dan berpandukan representasi leksikal kelas kata kerja keadaan, **predikat'** (x) atau (x, y) yang tidak bersifat agentif maka kata kerja keadaan dapat dikelaskan sebagai tak akusatif. Berhubung dengan konsep titik penamat sebagai ciri tak akusatif, didapati bahawa konsep penamat bermasalah kepada kata kerja keadaan. Kata kerja keadaan seperti kata kerja wujud (contoh, wujud, ada, tinggal) dan kata kerja berposisi (contoh, berdiri, duduk, baring) adalah menunjukkan keadaan yang berterusan (yakni secara semula jadi tidak bertitik penamat). Namun tidak seperti kata kerja yang mempamerkan lakuan berterusan yang lain (seperti aktiviti), kata kerja keadaan ialah kata kerja tak akusatif (Noriko, 2009). Untuk menjelaskan dan mempertahankan konsep penamat dalam kata kerja keadaan, makalah ini menyesuaikan hujah daripada Noriko (2009) yang menggunakan analisis struktur peristiwa (*event structure*) oleh Voorst (1988).

Jadual 3

Dikotomi Kata Kerja Tak Ergatif dan Tak Akusatif Berdasarkan Kelas Kata Kerja Aspektual Bahasa Melayu

Subklasifikasi kata kerja tak transitif	Kelas kata kerja aspektual	Fitur
Kata kerja tak akusatif	Kata kerja pencapaian	[-Agentif, +Penamat]
	Kata kerja penyempurnaan	[-Agentif, +Penamat]
	Kata kerja keadaan	[-Agentif, +Penamat]
Kata kerja tak ergatif	Kata kerja aktiviti	[+Agentif, -Penamat]

Dengan memberi fokus kepada kata kerja keadaan berposisi seperti “berdiri” dan “duduk” sebagaimana ayat (15), (16) dan kata kerja keadaan wujud seperti “berada” dan “ada” dalam ayat (17), makalah ini akan menjelaskan bahawa kata kerja keadaan ini masih dapat digolongkan sebagai tak akusatif, iaitu subjek ayat tersebut menerima peranannya sebagai tema (lokasi).

(15).

- a) Kassim berdiri.
- b) Kassim berdiri (di tiang lampu).

SL: **predikat'** (x)
berdiri' (Kassim)

(16).

- a) Johan duduk.
- b) Johan duduk (di atas kerusi).

SL: **predikat'** (x)
duduk' (Johan)

(17).

- a) Siti ada/berada di rumah.
- b) SL: **predikat'** (x,y)
di-lok' (rumah, Siti)

Kata kerja berposisi dan kata kerja wujud tidak menerangkan peristiwa. Oleh sebab kata kerja ini tidak mempunyai struktur peristiwa maka kita dapat menganggap titik penamat dalam kata kerja keadaan hanya sebagai entiti yang “terletak” secara semula jadi. Dalam ayat (15) dan (16), secara semula jadi kata kerja “berdiri” dan “duduk” menerangkan lokasi (pada satu tempat) Kassim dan lokasi Siti sebagaimana yang diterangkan dalam predikat “berdiri” dan “duduk” tanpa perlu rujukan bagaimana ia berada dalam posisi tersebut. Preposisi “di tiang lampu” dan “di atas kerusi” hanya berfungsi sebagai predikatif dan bukan argumen kepada kata kerja “berdiri” dan “duduk”. Maka kehadiran preposisi lokatif ialah opsyenal untuk hadir bersama kata kerja berposisi seperti “berdiri”, “duduk”, “baring” dan sebagainya. Dengan perkataan lain, makna kata kerja “berdiri” dan “duduk” difahami mengandungi posisi atau lokasi bagi peserta itu dalam ruang tertentu. Kata kerja *ada* dan *berada* yang perlu dijelaskan adalah kata kerja yang membawa makna lokatif, iaitu yang membawa maksud lokasi seperti ditunjukkan dalam ayat (17) yang direpresentasikan sebagai **di-lok'** (rumah, Siti). Dalam SL **di-lok** (rumah, Siti) yang hendak ditekankan ialah lokasinya, iaitu di rumah dan bukan di lokasi lain. Dengan cara ini, kita dapat menafsirkan bahawa kata kerja posisi (seperti berdiri, duduk) dan kata kerja kewujudan (seperti ada, wujud) ialah kata kerja yang menerangkan titik penamat yang statik. Keadaan statik kerana titik akhir tidak perlu dikaitkan dengan sesuatu peristiwa yang menyebabkan keadaan itu berlaku. Justeru, kata kerja keadaan khususnya dalam perbincangan ini yang memberi fokus kepada kata kerja keadaan berposisi dan kewujudan masih dapat dibuktikan sebagai kata kerja tak akusatif. Oleh hal yang demikian, perbincangan ini dapat membuat rumusan bahawa kata kerja tak akusatif menandakan keadaan atau peristiwa penamat dan argumen intinya ialah pengalami bagi peristiwa atau tema bagi situasi keadaan. Sebaliknya, kata kerja tak ergatif menandakan peristiwa yang tiada penamat, iaitu peristiwa yang berterusan dan argumen intinya ialah agen.

Kesimpulan

Makalah ini telah menunjukkan hubungan yang jelas antara kelas kata kerja *Aktionsart* atau aspek leksikal dengan fenomena Tak Akusativiti. Kata kerja tak transitif dibahagikan kepada dua kelas, iaitu kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif. Faktor pembeza yang jelas bagi dikotomi ini ialah pertentangan antara aktiviti dengan bukan aktiviti. Asas dakwaan bagi kelas *Aktionsart* ialah apabila kata kerja tak transitif ialah proses atau aktiviti, maka secara sintaktiknya ia dipetakan kepada tak ergatif. Hal ini kerana aktiviti menandakan lakuan bersifat dinamik dan dilakukan oleh agen yang memberikan ciri agentif kepada kata kerja tersebut. Manakala apabila kelas kata kerja dalam kategori bukan aktiviti dan mengandungi ciri penamat, maka ia direalisasikan sebagai tak akusatif. Penamat menunjukkan peristiwa yang berakhir secara semula jadi yang dipunyai oleh kelas kata kerja pencapaian dan penyempurnaan. Penamat juga terkandung dalam kata kerja keadaan berposisi seperti “berdiri”, “duduk”, “baring” dan kata kerja keadaan lokasi seperti “ada”, “berada” dan “wujud” yang dianggap sebagai penamat yang statik. Ciri lakuan yang berterusan, iaitu tidak berpenamat ditunjukkan oleh kelas kata kerja aktiviti. Secara keseluruhan, makalah ini telah menjelaskan bahawa bahasa Melayu juga sebagaimana bahasa-bahasa lain mempamerkan ciri agentif dan penamat dalam membezakan subklasifikasi kata kerja tak transitif, iaitu kata kerja tak ergatif dan tak akusatif. Makalah ini juga mengisi kelompangan dalam literatur kajian tentang isu Tak Akusativiti dalam bahasa Melayu. Kajian-kajian yang lebih lanjut dengan data kelas kata kerja yang lebih pelbagai wajar dilakukan dalam memahami sifat dan perilaku fenomena Pecahan Tak Transitif dalam bahasa Melayu dengan lebih berpeda.

Rujukan

- Ahmed, T. (2010). The unaccusativity/unergativity distinction in Urdu. *Journal of South Asian Linguistics*, 3(1),1-22.
- Allman, J. L. (2015). *Empirical examination of two diagnostics of Korean unaccusativity* [Unpublished doctoral dissertation. University of Texas].
- Meral, B. S., & Meral, H. M. (2018). On single argument verbs in Turkish, *bilig-Türk Dünyası Sosyal Bilimler Dergisi*, 86, 115-136.
- Burzio, L. (1986). *Italian syntax*. Reidel Publishing.
- Dowty, D. R. (1979). *Word meaning and montague grammar: The semantics of verbs and times in generative semantics and montague PTQ*. Reidel Publishing.
- Fukuda, S. (2017). Split intransitivity in Japanese is syntactic: Evidence for the unaccusative hypothesis from sentence acceptability and truth value judgment experiments. *Glossa: A Journal of General Linguistics*, 2(1), 1-41. <https://doi.org/10.5334/gjgl.268>
- Haegeman, L., (1991). *Introduction to government and binding theory*. Blackwell Publishers.

- Kishimoto, H. (1996). Split intransitivity in Japanese and the unaccusative hypothesis, *Language*, 72, 248-286.
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). (2022, Februari 20). <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Researchers/Search2.aspx>
- Levin, B., & Rappaport, M. H. (1995). *Unaccusativity: At the syntax-lexical semantics interface*. The M.I.T Press.
- Legendre, G., & Sorace, A. (2003). Auxiliaries and intransitivity in French and in Romance. In D. Godard (Ed.), *Les langues romanes: Problèmes de la phrase simple* (pp. 185-234). CNRS Edition.
- Narasimhan, B., Di Tomaso, V., & Verspoor, C. (1996). *Unaccusative or unergative? Verbs of manner of motion*. https://www.academia.edu/26423574/Unaccusative_or_Unergative_Verbs_of_Manner_of_Motion
- Noriko, U. (2009). *On unergative and unaccusative verbs in English*. Departmental Bulletin Paper. <http://hdl.handle.net/10519/896>
- Park, K.S. (2006). *L2 'Acquisition of English unaccusatives verbs by native speakers of Korea'* (Publication No: 14355000) [Master's thesis, Southern Illinois University at Carbondale] ProQuest Dissertations Publishing
- Perlmutter, D. M. (1978). Impersonal passives and the unaccusative hypothesis. *BLS*, 4, 157-189.
- Perlmutter, D. M., & Paul, M. P. (1984) The 1-Advancement exclusiveness law. In D. M. Perlmutter & C. G. Rosen, (Eds.), *Studies in Relational Grammar 2* (pp. 81-125). University of Chicago Press.
- Soh, H., & Nomoto, H. (2011). The verbal prefix *meN-* and the unergative/unaccusative distinction in Malay. *Journal of East Asian Linguistics*, 20, 77-106.
- Surtani, N., Jha, K., & Paul, S. (2011, November). *Issues with the unergative/unaccusative classification of the intransitive verbs*. International Conference on Asian Language Processing. <https://colips.org/conferences/ialp2011/callforpapers.htm>
- Yusof, M., Razak, R. A. & Ahmed, Z (2008). Pengelasan kata kerja Bahasa Melayu: Pendekatan semantik berdasarkan role and reference grammar (RRG). *Jurnal Bahasa*, 8(2), 242-262.
- Yusof, M. (2015). *Perkaitan semantik – sintaksis kata kerja dengan preposisi bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Valin, R. (1986). The unaccusative hypothesis vs. lexical semantics: syntactic vs. semantics approaches to verb classification. *Proceedings of NELS*, 17(2), 641-661. <https://scholarworks.umass.edu/nels/vol17/iss2/18>.
- Van Valin, R. (1990). Semantic parameters of split intransitivity. *Language*, 66, 221-260.
- Van Valin, R., & LaPolla, R. (1997). *Syntax: Structure, meaning and function*. Cambridge University Press.
- Van Valin, R. (2005). *Exploring the syntax-semantics interface*. Cambridge University Press.

- Vamarasi, M. K. (1999). *Grammatical relations in Bahasa Indonesia*. Pacific Linguistics Research School of Pacific and Asian Studies.
- Vendler, Z. (1967). *Linguistics in philosophy*. Cornell University Press.
- Voorst, J. (1988). *Event structure*. John Benjamins.
- Zaenen, A. 1993. Unaccusatives in Dutch and the syntax-semantics interface. In J. Pustejovsky, (Ed.), *Semantics and the lexicon* (pp. 129-161). Kluwer Academic Publishers.
- Zaenen, A. (1998). Unaccusativity in Dutch: Integrating syntax and lexical semantics. Technical report 123, Center for the Study of Languages and Information (CSLI), California.
- Zeyrek, D., & Acartürk, C. (2014). The distinction between unaccusative and unergative verbs in Turkish: An offline and an eye tracking study of split intransitivity. *Proceedings of the Annual Meeting of the Cognitive Science Society*. California Digital Library. <https://escholarship.org/content/qt0491x8v3/qt0491x8v3.pdf>